

18/06/1999

Dua bekas ahli Pas turut berpidato

KUALA LUMPUR, Khamis - Pas memperalatkan Islam termasuk meredakan perbuatan mengkafirkan Umno semata-mata untuk mempengaruhi orang Melayu supaya menyokong parti itu.

Ini didedahkan oleh bekas Timbalan Pesuruhjaya Pas Terengganu, Mohd Ghazali Ahmad, pada pidato memerangi fitnah sempena perhimpunan agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam ini.

Pada majlis itu, Mohd Ghazali yang menyertai Umno selepas bersama Pas selama 25 tahun, turut mengajak ahli Pas lain membaiki kesilapan yang sudah dilakukan dan meninggalkan parti itu.

"Bukan saya seorang, ramai lagi ahli Pas akan menyertai Umno dan kita akan bantu menjelaskan taktik kotor Pas," katanya pada majlis yang dihadiri kira-kira 3,000 ahli Umno.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, serta pemimpin tertinggi Umno lain turut mendengar pidato itu selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti.

Seorang lagi bekas ahli Pas, Omar Khalid, pula berkata hukum Islam yang hendak dilaksanakan Pas di Kelantan, hanyalah janji kosong untuk meraih sokongan rakyat.

Malah, beliau mendakwa Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat, sendiri memberitahunya bahawa Pas tidak boleh melaksanakan hukum Islam seperti yang dijanjikan.

"Apabila saya menyatakan tindakan itu tentu mengecewakan ahli Pas yang banyak membuat pengorbanan, Nik Aziz berkata `ini adalah politik'," katanya. Omar turut menyangkal kenyataan pemimpin Pas baru-baru ini bahawa perbuatan mengkafir Umno pada suatu masa dulu dilakukan golongan pelampau dalam parti.

Beliau mendakwa pemimpin Pas terutama Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang, sendiri memainkan peranan dalam mengkafirkan ahli Umno.

"Ahli Pas mengkafirkan ahli Umno kerana terpengaruh dengan pemimpin parti," katanya.

Selain dua bekas ahli Pas, Ahli MT Umno, Datuk Ibrahim Ali, turut menyampaikan ceramah pada majlis itu.

(END)